

03/01/2004

Tiffany bukti kejayaan telekerja

Fadzlena Jafar

SEJAK kebelakangan ini, bagaikan satu trend apabila ramai wanita berkebolehan dan berpendidikan berhenti kerja bagi menumpukan rumah tangga terutama yang beranak kecil.

Antara alasan yang sering diberi ialah sukar mencari pembantu rumah atau pengasuh yang dipercayai dan ada juga yang ingin melihat si kecil membesar di depan mata.

Itu jugalah alasan bekas pengarang di sebuah syarikat penerbitan tempatan, Tiffany Tang, apabila beliau mengambil keputusan berhenti kerja kira-kira empat tahun lalu.

"Ketika itu saya hamil dan apabila memikirkan keadaan kerja yang mengambil masa agak lama termasuk waktu yang dihabiskan untuk pergi dan balik ke tempat kerja, saya mengambil keputusan berhenti kerja bagi memastikan saya dapat menumpukan perhatian kepada anak kelak.

"Tetapi saya juga tidak suka duduk diam di rumah. Oleh itu, saya cuba mencari kerja yang boleh saya lakukan di rumah dan pada masa sama dapat bersama anak," katanya, ketika ditemui di kediamannya, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau akui bukan mudah mencari kerja yang bersesuaian dan menepati kehendaknya. Lebih-lebih lagi memandangkan sudah hampir sembilan tahun beliau bekerja sepenuh masa dan berpendapatan selesa.

Untuk itu, beliau menetapkan lima sasaran yang perlu ada pada kerjaya yang bakal menjadi pilihannya, iaitu tempat kerja mesti di rumah, berpendapatan tetap, kerja yang menyeronokkan, dapat mempertingkatkan keupayaan dirinya dan pada masa sama mempelajari perkara baru serta meluaskan jaringan kerjanya.

Ketika pencarian itu, beliau masih bekerja di syarikat penerbitan berkenaan. Enam bulan beliau mencari termasuk bertanya rakan sehinggalah beliau mendapat tahu mengenai Asian-family.com yang sedang mencari seorang ibu yang bekerja di rumah.

Begitu pun, syarikat yang menyediakan siaran radio pertama di Asia berkonsep kekeluargaan di internet itu memerlukan beliau mahir dalam penggunaan komputer khususnya internet.

"Sebelum itu saya langsung tidak berpengetahuan mengenai komputer kecuali Microsoft Word. Saya juga tidak tahu menggunakan e-mel. Jadi, ia adalah proses pembelajaran bagi saya.

"Ia sangat membantu mempertingkatkan keupayaan saya. Tetapi ramai wanita menganggap teknologi maklumat (IT) sesuatu yang berbeza. Jadi, saya terima dan menganggap ia satu cabaran," katanya yang mempunyai seorang cahaya mata, Joshua Wong, empat tahun.

Kini, sudah empat tahun beliau bekerja di rumah. Tetapi, Tang akui memandangkan konsep itu masih baru di rantau ini, banyak juga cabaran yang perlu dihadapi sepanjang tempoh itu.

Walaupun berpendapatan tetap, bekerja sendirian memerlukan beliau lebih inovatif dan kreatif bagi mempertingkatkan keupayaan diri.

"Saya tidak perlu bimbang mengenai pendapatan kerana memperoleh gaji tetap. Jadi, saya percaya cabaran yang saya hadapi ialah untuk lebih inovatif dan berusaha membentuk kebolehan bagi membuktikan kita juga setanding pekerja di pejabat.

"Selain itu, disiplin paling penting. Tanpa disiplin kerja yang dilakukan tidak berjaya. Mungkin ramai yang beranggapan kerja di rumah menyeronokkan sebab boleh berjumpa kawan atau membeli-belah pada bila-bila

masa. Tetapi saya pentingkan disiplin," katanya.

Beliau yakin kerana disiplinlah kerjayanya kini semakin berkembang. Selain sibuk dengan tugasnya di Asian.family.com, Tang memberikan perhatian terhadap syarikat penerbitan yang baru ditubuhkan bersama tiga rakan dan Tang dipertanggungjawab menguruskan aspek pemasaran.

Siapa sangka suatu ketika dulu apabila konsep telekerja ini diperkenalkan di Malaysia begitu ramai yang sangsi ia boleh berjaya, tetapi kini Tang antaranya yang membuktikan konsep berkenaan praktikal dan sesuai pada zaman ini.

Tidak hairanlah, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga begitu beriya-iyanya mempromosikan konsep telekerja khusus bagi menggalakkan kesinambungan budaya kerja wanita yang berkebolehan supaya tidak mensia-siakan kemahiran mereka.

Sebenarnya konsep telekerja bukan perkara baru kerana di Barat sudah lama mengamalkan konsep itu terutama dengan kecanggihan teknologi seperti internet, telefon dan faksimile.

Sidang Kemuncak Hari Wanita 25 Ogos lalu, turut mencetuskan beberapa idea bagi pembangunan wanita khususnya waktu kerja yang lebih anjal dan kemudahan bekerja dari rumah untuk kerjaya tertentu.

Awal September lalu, Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad dalam jawapan bertulisnya di Parlimen, berkata kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi memasukkan peraturan kerja baru dan anjal bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Justeru, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata bahagian dasar kementerian itu sedang mengkaji langkah yang perlu dan berharap untuk mengemukakan memorandum kepada Kabinet awal tahun ini berhubung konsep berkenaan.

Bagaimanapun, Tang berkata, kajian terperinci perlu dilakukan bagi mengenal pasti cara terbaik untuk melaksanakan konsep telekerja itu kerana tanpa persediaan rapi mungkin wanita yang memilih konsep berkenaan tidak berjaya dan terpaksa kembali bekerja di pejabat.

Selain itu, katanya, konsep waktu kerja anjal seperti separuh hari bekerja di pejabat dan selebihnya di rumah juga boleh diperkenalkan bagi menggalakkan lebih ramai wanita cemerlang dalam kerjaya dan juga rumah tangga.

Antara cadangan Tang bagi merealisasikan konsep telekerja:

- * Selidik latar belakang wanita berkenaan termasuk latar pendidikan, kemahiran, kegemaran dan kebolehan.

- * Objektif bekerja di rumah - adakah sekadar mencari pendapatan sampingan atau sebaliknya.

- * Sistem sokongan mesti ada termasuk daripada suami dan keluarga.

- * Wanita berkenaan perlu dilatih dengan kemahiran bersesuaian.

- * Bersedia dari segi rohani, jasmani dan pengetahuan.

- * Mengubah cara pemikiran.

- * Sedia berkorban waktu bekerja (adakalanya terpaksa bekerja pada malam apabila anak tidur).

- * Jika ingin memulakan perniagaan dari rumah, wanita berkenaan perlu mempunyai perancangan perniagaan yang baik.

- * Mempunyai jaringan kerja yang baik.